

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS, TAHUN 2021**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN
[KUALA KRAI]**

SOALAN

TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN [KUALA KRAI] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk memperluaskan perlindungan kepada golongan suri rumah sepenuh masa atau yang bekerja secara online terutamanya golongan B40.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan melalui Pembentangan Bajet 2022 telah mengumumkan perluasan perlindungan keselamatan sosial kepada golongan suri rumah sepenuh masa atau yang bekerja secara *online* terutamanya golongan B40 di bawah Program Kasih Suri Keluarga Malaysia.

Kementerian Sumber Manusia menerusi Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dijangka melaksanakan Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah mulai pada tahun 2022. Mesyuarat Jemaah Menteri yang diadakan pada 14 Julai 2021 telah bersetuju supaya suri rumah diberikan perlindungan keselamatan sosial. Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah menyediakan perlindungan terhadap bencana domestik seperti kemalangan, penyakit atau pun kematian dan dibuka kepada semua suri rumah yang dianggarkan seramai hampir 3 juta orang.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN (BERTULIS)
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN (BERTULIS)

**DARIPADA : YB DATO' ABDULLAH SANI B. ABDUL HAMID
(KAPAR)**

SOALAN

DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID [KAPAR] minta **MENTERI
DALAM NEGERI** menyatakan apakah status terkini berkait pelaksanaan
projek pembinaan bangunan Ibu Pejabat Polis Klang Utara yang baru

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Projek pembinaan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Klang Utara, Selangor telah diluluskan di bawah *Rolling Plan 4* (RP4) Tahun 2020 Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) telah dilantik sebagai agensi pelaksana. Projek akan dilaksanakan di Taman Sungai Kapar, Mukim Kapar dengan keluasan 7.99 ekar. Projek ini dijangka akan dilaksanakan pada tahun 2022.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : YB DATO' ABDULLAH SANI
BIN ABDUL HAMID [KAPAR]**

SOALAN

YB DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID [KAPAR] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah status pelaksanaan berkait kelulusan bagi projek pembinaan sebuah hospital baru di Kapar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini telah diberikan kelulusan untuk melaksanakan kerja-kerja awalan bagi projek Hospital Kapar dibawah *Rolling Plan* 4 Tahun 2020 (RP4 2020) Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) di tanah seluas 20.2347 hektar (50 ekar) di Mukim Kapar. Kerja-kerja awalan ini merangkumi antaranya kerja-kerja tanah (*soil investigation, pre comp, survey plan* dan *environmental impact assessment*), Penyediaan reka bentuk, Penyediaan PDA, Penyediaan *Utility Mapping, Measured Drawing* dan *As Built Drawing* dan Pelaksanaan Makmal Pengurusan Nilai.

2. Bagi projek pembinaan bangunan hospital pula, Kerajaan telah meluluskan projek pembinaan Hospital Kapar di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12)/Rolling Plan 2 Tahun 2022 (RP2 2022).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DATO ABDULLAH SANI BIN ABDUL
HAMID
[KAPAR]**

SOALAN

YB DATO ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID [KAPAR] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan komitmen dalam membanteras kewujudan kilang haram terutama di kawasan Kapar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) memandang serius akan kewujudan kilang-kilang yang beroperasi secara haram di seluruh negara. Ini adalah kerana kilang-kilang haram bukan sahaja menyebabkan Kerajaan kerugian pendapatan negara, malah turut menyumbang kepada pelbagai isu pencemaran persekitaran yang mengganggu-gugat kesejahteraan rakyat di kawasan berkenaan.

Dalam hal ini, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mempunyai kuasa untuk menjalankan operasi membanteras kewujudan kilang haram yang

tidak berlesen di bawah **Akta Jalan, Parit dan Bangunan [Akta 133]** dan **Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, [Akta 172]**.

Seksyen 72, Akta 133 memperuntukkan bahawa Yang Dipertua (YDP) bagi sesuatu PBT mempunyai kuasa untuk meruntuh atau memindahkan bangunan yang tidak dibenarkan. Bagi maksud di bawah **Seksyen 19 (1), Akta 172** pula, terdapat peruntukan undang-undang yang melarang pemajuan tanpa Kebenaran Merancang (KM) di dalam kawasan operasi PBT. Peruntukan yang terdapat di dalam kedua-dua akta ini jelas memberikan kuasa kepada PBT untuk mengambil tindakan dalam membanteras kewujudan kilang haram. Berdasarkan statistik bilangan penguatkuasaan ke atas kilang haram oleh **Majlis Perbandaran Klang** bagi tahun 2019-2021, sebanyak 491 penguatkuasaan telah dilaksanakan pada tahun 2019, diikuti 498 penguatkuasaan pada tahun 2020 dan 77 penguatkuasaan pada tahun 2021.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, antara langkah-langkah lain yang diambil oleh PBT untuk membendung masalah kilang haram adalah seperti berikut:

- (i) melaksanakan **operasi penguatkuasaan bersepadu bersama Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen Selangor, Jabatan Alam Sekitar (JAS), Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air (SPAN)** sejak tahun 2019 hingga kini;
- (ii) melaksanakan tindakan penguatkuasaan iaitu dengan mengeluarkan **Notis Pemberhentian dan Kompaun di bawah Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred Perniagaan dan Perindustrian (UUK)** dan di bawah **Seksyen 44 (1) (D) Akta 133** bagi kesalahan kacau ganggu; dan
- (iii) PBT juga mewujudkan **pasukan *task force* penguatkuasaan kilang haram** bagi menjalankan tindakan penguatkuasaan,

SOALAN NO : 8

membuat pemantauan dan pemeriksaan terhadap kilang yang tidak mempunyai lesen dan yang berlesen untuk memastikan mereka tidak melanggar syarat-syarat pelesenan.

Bagi **operasi bersepadu pembasmian kilang memproses sisa plastik haram** pula, KPKT melalui Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) bekerjasama dengan pelbagai agensi seperti JAS, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), TNB dan SYABAS untuk membantu PBT yang terlibat.

KPKT melalui Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) juga melaksanakan pemantauan dari semasa ke semasa ke atas **pemegang AP sisa plastik HS 3915** melalui **pemeriksaan di premis syarikat yang dibuat setiap tahun**. Pemantauan ini juga secara tidak langsung dapat mengawal kewujudan kilang haram yang memproses sisa plastik tanpa lesen import.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID
(KAPAR)**

SOALAN

DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID (KAPAR) minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan komitmen dalam menangani isu limpahan murid yang menimbulkan kesesakan ruang pembelajaran di sekolah dalam kawasan Kapar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited dalam usaha menyediakan prasarana dan kemudahan infrastruktur pendidikan kepada semua murid di seluruh negara, termasuk di kawasan Kapar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kepadatan murid sekolah di Parlimen Kapar adalah dalam perhatian KPM. Antara usaha yang sedang diambil oleh KPM bagi mengatasi masalah tersebut adalah melalui pembinaan sekolah baharu dan penambahan bilik darjah di sekolah sedia ada berdasarkan keperluan dan kesesuaian.

Oleh yang demikian, KPM telah diluluskan projek pembinaan baharu Sekolah Kebangsaan Telok Kapas, Sungai Pinang, Klang, Selangor yang melibatkan pembinaan 30 bilik darjah dan kemudahan-kemudahan lain yang berkaitan. Projek ini diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ke-11, *Rolling Plan 1* tahun 2016 dengan kos RM32 juta. Sehingga kini, status pelaksanaan projek ini masih berada di fasa pra pembinaan.

Manakala dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) *Rolling Plan 1* tahun 2021, projek perolehan 12 ekar tanah bagi tapak pembinaan baharu SMK Meru 2, Klang, Selangor telah diluluskan dengan kos RM10 juta. Pada masa ini, KPM sedang melaksanakan proses kerja-kerja awalan, termasuk mendapatkan ulasan agensi teknikal serta penyediaan pelan pengambilan tanah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, permohonan untuk pembinaan bangunan tambahan di SMK Meru, Klang telah diluluskan dalam RMKe-12 *Rolling Plan 2* Tahun 2022. Kelulusan ini merangkumi pembinaan 8 bilik darjah Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) dan kemudahan lain.

KPM komited untuk memastikan kesesakan murid ditangani dengan berkesan.